

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dengan berkat dan keizinan-Nya dapat juga saya menyempurnakan kertas projek ini. Tenaga dan ilmu daripada-Nya adalah tidak bermakna tanpa bantuan dan sokongan daripada penyelia saya , Dr. Sharifah Norul Akmar. Penghargaan yang tidak terhingga ingin saya rakamkan kepada beliau di atas segala tunjuk ajar, nasihat, dorongan dan bantuan beliau dalam membimbing saya sehingga sempurna kertas projek ini. Saya amat menghargai kesabarannya dalam menghulurkan bantuan apabila diperlukan disepanjang penghasilan kertas projek ini. Pandangan dan idea bernas beliau banyak mempengaruhi penulisan kertas projek ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof . Dr. Nik Azis Nik Pa dan Puan Lee Siew Eng yang telah memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat di sepanjang saya menghadiri kursus yang telah mereka tawarkan di sepanjang pengajian saya dan tidak lupa kepada semua staf Fakulti Pendidikan yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan kertas projek ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada suami tercinta Encik Zulkharnain bin Hasan di atas segala sokongan dan nasihat beliau , terima kasih juga kepada keluarga saya iaitu ibu saya , Puan Zaiton Ahmad , kakak –kakak saya iaitu Puan Rohaya Osman dan Puan Rosmini Osman dan adik saya Rosliza Osman kerana telah banyak memberikan bantuan semasa saya memerlukan .

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UiTM yang telah membiayai pengajian saya bagi program sarjana pendidikan matematik ini. Semoga Allah s.w.t membalas budi baik semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam penyempurnaan kertas projek ini.